



Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran dipelawa kepada kontraktor yang berkelayakan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih berkuatkuasa dan kriteria berkaitan seperti butiran berikut:

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEREKA BENTUK DAN MEMBINA BUMBUNG PARKIR KENDERAAN SERTA BUMBUNG LALUAN PINTU MASUK UTAMA KLATCC

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
CAAM.PWS.400-5/8/60	CIDB GRED G1 SPKK B15 / B18	06/08/2025 Sesi Taklimat : 09:00 pagi ADITORIUM, LEVEL 1, PUSAT KAWALAN TRAFIK UDARA KUALA LUMPUR (KLATCC), PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA, KJALAN CTA3, 64000 KLIA, SELANGOR	15/08/2025 (sebelum 12:00 tengahhari)

2. **Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan** pada masa dan tarikh seperti dinyatakan di atas. Hanya **satu (1) wakil** syarikat dibenarkan untuk membuat lawatan tapak pada satu-satu masa dan tertakluk kepada kebenaran daripada pihak CAAM. Selaras dengan PPP PK2.1 Perenggan 8.12 (viii), hanya Pegawai/Pekerja yang diluluskan oleh Syarikat untuk Pengurusan Perolehan Kerajaan di dalam **Sijil Akuan Pendaftaran CIDB, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ** boleh menghadiri lawatan tapak/premis atau sesi taklimat sebut harga. Pembekal **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai lain.
3. Syarikat dikehendaki membawa **Salinan Sijil Pendaftaran CIDB, Salinan Sijil Kewangan (MOF), Salinan Sijil Taraf Bumiputera, Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM), salinan kad pengenalan dan Cop Syarikat** semasa sesi lawatan tapak untuk pengesahan.
4. Penyebut Harga adalah **diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri lawatan tapak** sebelum mendapatkan dokumen Sebut Harga. Dokumen sebut harga diberi **PERCUMA** melalui capaian atas talian.
5. Kos bagi penyertaan dan penyediaan dokumen tawaran pembekal adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.
6. Pihak Berkuasa akan mengikat suatu kontrak dengan Pembekal yang berjaya dalam Tender ini untuk tempoh selama 3 bulan.

7. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikemukakan secara **MANUAL** dengan memasukkannya ke dalam **PETI SEBUT HARGA** yang diletakkan di alamat

**PEJABAT WILIYAH SEMENANJUNG, KOMPLEKS PUSAT KAWALAN TRAFIK UDARA (KLATCC),
PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM), JALAN CTA 3, 64000 KLIA
sebelum jam 12.00 tengah hari pada 15 OGOS 2025 (JUMAAT).**

8. Harga Anggaran/Indikatif Jabatan bagi perolehan ini adalah RM105,000.00. Harga Anggaran/Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Pihak Berkuasa atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi;

Unit Perolehan

Pejabat Wilayah Semenanjung

Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC)

+603 8529 1377

perolehan.pws@caam.gov.my

Lokasi taklimat :



**ADITORIUM, LEVEL 1, PUSAT KAWALAN TRAFIK
UDARA KUALA LUMPUR (KLATCC), PIHAK
BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA,
KJALAN CTA3, 64000 KLIA, SELANGOR**